



SIARAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

CIDB DAN MRTCOP BEKERJASAMA TINGKATKAN KUALITI DAN PRODUKTIVITI INDUSTRI PEMBINAAN

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 2022: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) pada hari ini ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti industri pembinaan. MoU ini merangkumi tiga aspek utama, iaitu Pembangunan Modal Insan, Kaedah & Teknologi Pembinaan, dan Sistem Penilaian Kualiti, Keselamatan dan Kemampanan.

MoU ini ditandatangani oleh Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid, mewakili CIDB, dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Mohd Zarif Hashim, mewakili MRT Corp. Majlis menandatangani MoU tersebut disaksikan YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia.

MoU ini menetapkan bidang kerjasama CIDB serta MRT Corp di dalam membangunkan modul latihan pembinaan infrastruktur untuk menghasilkan personnel binaan kompeten yang akan memenuhi keperluan projek-projek MRT Corp serta industri pembinaan keseluruhannya.

MoU ini juga akan melihat kedua-dua pihak bekerjasama untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi baharu seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM) di dalam pembinaan projek MRT Corp. Selain itu, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam pelbagai program-program untuk membangunkan rantai nilai teknologi pembinaan termasuk peningkatan kesedaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan vendor.

“Majlis Menandatangani MoU yang kita saksikan hari ini merupakan kolaborasi strategik di antara sebuah agensi kerajaan dengan sebuah syarikat perlaksanaan projek infrastruktur negara. Secara tidak langsung kolaborasi ini akan membawa banyak manfaat kepada industri pembinaan negara keseluruhannya. Kolaborasi ini membolehkan kedua-dua organisasi menggunakan kekuatan antara satu sama lain dalam mencapai impak positif di dalam industri pembinaan”, kata Datuk Arthur Joseph Kurup ketika ucapannya di majlis menandatangani MoU itu.

Pelaksanaan amalan terbaik di dalam keselamatan dan kesihatan, kualiti serta kelestarian di dalam projek-projek pembinaan juga ditekankan di dalam MoU ini. CIDB akan memberi latihan dalam penggunaan Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan di Tapak Bina (SHASSIC), Sistem penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC), Skim Penarafan Pengurangan Karbon dan Kemampuan Alam Sekitar Malaysia (MyCREST) dan Sistem penilaian Kemampuan Alam Sekitar untuk projek-projek pembinaan infrastruktur (Sustainable INFRASTAR).

Sistem-sistem penilaian ini membantu para penggiat industri dalam menilai keberkesanan mereka dalam mengikuti amalan terbaik dalam keselamatan dan kesihatan, kualiti dan kelestarian sesuatu projek yang dilaksanakan. Ini bukan sahaja akan meningkatkan imej dan reputasi sebuah syarikat pembinaan. Ia juga akan meningkatkan imej industri pembinaan secara keseluruhannya dan sekaligus menarik minat lebih ramai tenaga kerja tempatan untuk terlibat di dalam industri pembinaan.

“MoU di antara CIDB dan MRT Corp hari ini merupakan satu langkah yang baik untuk memantapkan lagi industri pembinaan negara. Saya percaya bahawa kerjasama ini akan mendorong usaha memastikan projek pembinaan Malaysia diuruskan dan dijalankan mengikut standard tertinggi oleh personnel yang kompeten dan bertauliah,” kata Datuk Ir Ahmad ‘Asri Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

Semasa berucap di majlis, Datuk Mohd Zarif berkata kerjasama erat di antara MRT Corp dan CIDB akan menyediakan peluang pekerjaan dan menghasilkan tenaga manusia dan modal insan yang berkualiti untuk projek pembinaan rel negara, sekaligus memaksimumkan penglibatan tenaga kerja tempatan dalam projek.

“Besar harapan pihak kami bersama, agar menerusi usaha seperti ini, kita akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing, dan dalam masa yang sama meningkatkan penggunaan teknologi dan kandungan tempatan. Melalui inisiatif sebegini juga, ianya akan memberi manfaat kepada pemain tempatan di dalam industri, sambil meningkatkan keupayaan dan daya saing mereka,” kata Datuk Mohd Zarif.

Melalui kerjasama ini juga, MRT Corp berperanan untuk menyokong objektif pihak CIDB dan juga Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dalam merealisasikan Pelan Strategik Pembinaan 4.0, yang akan menjadi asas bagi merangka program untuk meningkatkan keupayaan industri pembinaan dalam alaf industri 4.0, tambah Datuk Mohd Zarif.

Sejak 2011, CIDB dan MRT Corp sering bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan aktiviti untuk pembangunan kompetensi serta penerapan amalan industri terbaik industri pembinaan.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti

industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

<i>Noryani Ismail</i>	<u>noryani@cidb.gov.my</u>	<i>019 – 285 6867</i>
<i>Noraini Fadzil</i>	<u>noraini.fadzil@cidb.gov.my</u>	<i>019 – 226 2659</i>

Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDBB Tribal

NagaDBB Tribal

<i>Kek Jay Lyn</i>	<u>jaylyn.kek@nagaddbtribal.com.my</u>	<i>012 – 305 8773</i>
<i>Amiruddin Azran</i>	<u>amiruddin.azran@nagaddbtribal.com.my</u>	<i>011 – 1145 2867</i>